

## **1. SYARAT PENYERTAAN**

- 1.1** Pegangan berstatus kediaman dan di atas nama individu sahaja layak menyertai cabutan bertuah. Pemaju, syarikat atau agensi kerajaan adalah tidak layak untuk mengambil bahagian di dalam program ini.
- 1.2** Pegangan yang dikecualikan/tidak dikenakan cukai bagi tahun 2023 juga tidak layak untuk menyertai cabutan bertuah.
- 1.3** Membuat bayaran dari tempoh 1 Januari 2023 sehingga 28 Februari 2023.
- 1.4** Membuat bayaran mengikut jumlah bayaran cukai taksiran setahun dan tanpa tunggakan dan/atau mempunyai lebihan bayaran pada tarikh yang ditetapkan.
- 1.5** Bayaran perlu dibuat di semua saluran pembayaran secara dalam talian.
- 1.6** Nama pemilik di dalam rekod cukai harta hendaklah sama dengan pemilik terkini. Pemilik perlu melengkapkan maklumat pemilik pada Borang I (Borang Pindah Milik) dan Borang J (Borang Waris) jika data berbeza.
- 1.7** Hanya dibuka untuk warganegara Malaysia sahaja.
- 1.8** Penyertaan adalah secara automatik tanpa perlu mengemukakan borang penyertaan.
- 1.9** Setiap peserta hanya layak untuk memenangi satu hadiah sahaja.
- 1.10** Setiap pemenang akan dihubungi melalui telefon, penghantaran surat dan hebahan melalui laman sesawang dan media sosial rasmi MPKj.

- 1.11** Penerima cabutan bertuah perlu datang menuntut sendiri hadiah kemenangan.
- 1.12** Sekiranya berlaku kematian pada pemilik dalam tahun cabutan, waris yang sah mengikut undang-undang boleh menuntut hadiah kemenangan tertakluk kepada kematian pada tahun cabutan bertuah dibuat. Sekiranya kematian berlaku sebelum tahun cabutan maka kemenangan terbatal secara automatik.
- 1.13** Sebarang maklumat yang tidak dikemaskini/tidak terkini/tiada maklumat di dalam sistem taksiran MPKj maka kemenangan terbatal secara automatik.
- 1.14** Sekiranya terdapat percanggahan antara maklumat yang diberikan oleh pemenang dengan MPKj maka kemenangan terbatal secara automatik.